

# Intan: Giatkan usaha pupuk anak minat bahasa Melayu

Oleh NUR DHUHA ESOOF

nurdhuha@sph.com.sg

ADA pelbagai kaedah yang boleh digunakan ibu bapa bagi menggalak anak mereka menggunakan dan menggemari bahasa Melayu, kata Anggota Parlimen (AP) Dr Intan Azura Mokhtar.

Penolong Profesor, Pengajian Dasar dan Kepimpinan, di Institut Pendidikan Nasional (NIE) itu berpendapat lebih baik usaha tersebut dimulakan seawal mungkin kerana *melentur biarlah waktu rebung*.

Dalam hal ini, beliau yakin Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew yang dilancarkan tahun lalu boleh dimanfaatkan bagi menghasilkan idea-idea yang boleh dilaksanakan untuk mengajar bahasa ibunda di prasekolah.

Mengenai pengalaman beliau menggalak anak-anaknya berbahasa Melayu, Dr Intan, 36 tahun, menggunakan pendekatan empat peringkat – mendengar, bercakap, membaca dan menulis.

AP GRC Ang Mo Kio itu menggunakan cara tersebut ketika membimbing anak sulungnya belajar Bahasa Melayu bagi Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) tahun lalu.

Ditemui di pejabatnya di NIE baru-baru ini, Dr Intan, yang juga anggota jawatankuasa publisiti dan jangkauan Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew, berkata anaknya, Adam Dhiya'ulhaq Putra Mohamed Redhza, sering mendapat keputusan kurang memuaskan bagi Bahasa Melayu.

“Biasanya markah yang diraihinya cukup makan saja dan ini membuatkan saya risau. Ja-



**PUPUK MINAT BAHASA:** Dr Intan dan suaminya, Encik Mohamed Redhza Abdul Rahim, menggunakan bahasa Inggeris dan Melayu di rumah bagi menggalak kedwibahasaan dalam diri anak-anak mereka, (dari kiri) Annika Batrisyia, Ayser Rhysq dan Adam Dhiya'ulhaq.

di sekitar lima bulan sebelum PSLE, saya mula membimbingnya dengan intensif menggunakan empat peringkat menguasai bahasa itu,” kata Dr Intan.

## ▶ Laporan lain 6

Hasilnya, Adam mendapat gred ‘B’ bagi Bahasa Melayu.

Namun, Dr Intan, yang juga anggota jawatankuasa Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), berkata pembelajaran bahasa ibunda bagi anaknya tidak berakhir dengan tamatnya PSLE.

“Selepas PSLE, Adam berkata dia sudah tidak perlu menonton berita atau membaca akhbar Melayu lagi. Tapi saya nasihatkannya supaya teruskan kerana pembelajaran bahasa bukan sekadar untuk lulus peperiksaan atau melang-

kah ke peringkat selanjutnya dalam sistem pendidikan.

“Sebaliknya, penguasaan bahasa ibunda adalah penentu identiti kita. Tanpa bahasa Melayu, bagaimana kita ingin buktikan bahawa kita ini orang Melayu? Saya jelaskan ini kepada Adam dan saya rasa sekarang dia sedar akan peri penting bahasa Melayu dan lebih menghargai bahasa itu,” kata Dr Intan.

Beliau menambah bahawa mempelajari dan memahiri bahasa Melayu bukan dari segi bahasa saja, bahkan termasuk mengamalkan nilai murni dan budi pekerti baik.

“Budi dan bahasa harus seiringan. Pembelajaran bahasa Melayu bukan bermakna penguasaan bahasa saja harus baik. Ia juga mengaitkan tradisi dan budaya yang melambangkan kemelayuan seseorang,” kata Dr Intan.

## Pengalaman Dr Intan

SEBAGAI permulaan Dr Intan mengajak anaknya, Adam, menonton siaran berita bahasa Melayu bagi memahami cara orang lain menggunakan bahasa itu. Antara empat tahap pembelajaran bahasa, peringkat menulis paling sukar kerana ia memerlukan pelajar meluahkan perasaan menerusi tulisan serta menghasilkan ayat lengkap dan jalan cerita menarik.

Peringkat paling mudah ialah mendengar. Jadi sebaik-baiknya pembelajaran bahasa dimulakan dengan mendengar. Selepas beberapa hari menonton siaran berita di televisyen, beliau menggalak Adam bertutur dalam bahasa Melayu. Seterusnya, Dr Intan menggalak anaknya membaca *Berita Harian* dan memberi ulasan ringkas secara lisan mengenai artikel-artikel yang dibaca. Akhir sekali, beliau ke peringkat paling sukar, menulis.